



PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA,
(OFFICE OF THE AUDITOR-GENERAL)
JALAN CENDERASARI,
50518 KUALA LUMPUR,
MALAYSIA

Telefon: 03-2929532
Fax: 603-2930264
Kawat: "AUDITNEGARA" K.L.
(Cable)

Rujukan Fail : AUDIT/IP/147/656/3 (12)

Tarikh : 20 Julai 2000

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA AUDIT NEGARA BIL. 2/2000

Penglibatan Jabatan Audit Negara

Dalam Merancang Pelaksanaan Dasar Kerajaan

Sukacita saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan kewangan, Pegawai-pegawai Pengawal bertanggungjawab memastikan program/aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cara yang cekap, berkesan dan berhemat. Bagaimanapun, pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti yang berpunca daripada kelemahan perancangan, kurangnya perhatian diberi terhadap kawalan dalaman pengurusan wang awam, ketiadaan garis panduan yang jelas dan kurang pemantauan.

3. Sehubungan dengan perkara di atas, Jabatan ini bersedia memberikan pandangan/input semasa Kementerian/Jabatan/Agenzi merangka sesuatu dasar dan juga semasa merancang pelaksanaan program/aktiviti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Ini bertujuan untuk memastikan wujudnya perancangan yang teliti, unsur-unsur kawalan dalaman terhadap pengurusan wang awam diambil kira dan garis panduan yang jelas disediakan bagi mencapai matlamat dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,


(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia

s.k. : Y. Rhg. Ketua Setiausaha Negara